

Dasar Luar Malaysia Berdasarkan Prinsip Sokong Apa Yang Betul - Najib Bernama
August 24, 2014

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Dasar luar Malaysia adalah berdasarkan prinsip iaitu menyokong apa yang betul dan menolak apa yang tidak betul, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata berdasarkan prinsip itu, Malaysia dengan itu tidak terbeban untuk memilih antara Amerika Syarikat (AS) dan China.

"Ia bukan semudah memilih kelab bola sepak, misalnya Manchester United...ini berseloroh sahaja. Kita tidak boleh memutuskan atau membuat pilihan dengan melihat kepada kekuatan kedua-dua negara ini," katanya.

Najib berkata demikian semasa ditanya negara mana patut dipilih Malaysia antara AS dan China pada Sidang Kemuncak Pemimpin Pelajar Malaysia 2014, anjuran Majlis Perwakilan Pelajar Malaysia di United Kingdom dan Eire (UKEC), di ibu negara, Ahad.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata Amerika Syarikat mempunyai kekuatan seperti pasaran luas, teknologi, inovasi, beberapa institusi pendidikan terbaik di dunia dan juga sebagai kuasa besar dan 'hyper power'.

Najib berkata China merupakan sebahagian penting di Asia dan negara itu merupakan rakan perdagangan terbesar negara dengan perdagangan dua hala berjumlah US\$100 bilion (RM316 bilion), dengan Malaysia menasabah untuk mencapai US\$160 bilion (RM505.6 bilion) dalam lima tahun akan datang.

"Jadi, kenapa kita perlu berdepan Amerika Syarikat, pada masa yang sama kita ada China?," katanya dan menurut Perdana Menteri Malaysia mempunyai dasar luar yang amat bebas.

Katanya jika Malaysia sebagai contoh bergantung kepada Amerika Syarikat, negara tidak akan dapat berurusan dengan (Alexander) Borodai (pemimpin puak pemisah) bagi mengeluarkan jenazah mangsa pesawat Malaysia Airlines MH17 dari tapak nahas di timur Ukraine.

"Jika kita bergantung kepada AS, saya tidak akan melawat Gaza, misalnya. Saya telah bertemu pemimpin Hamas. Inilah apa yang saya maksudkan sebagai dasar luar berprinsip dan pada masa yang sama adalah pragmatik," katanya.

Perdana Menteri berkata dasar luar seumpama itu akan membuahkan lebih banyak faedah dan hasil positif.

Terdahulu dalam ucapannya, Najib mengimbas semula waktu beliau belajar di luar negara

dan menjadi 'duta' Malaysia bagi menjawab soalan tentang negara, budaya dan rakyatnya.

Katanya, daripada situ beliau belajar secara mendalam berhubung perbezaan kebudayaan, perspektif dan cara dalam melakukan sesuatu.

"Dan saya cuba membawa balik pengetahuan itu ke tanah air dan menggunakan apa yang telah saya pelajari itu dalam kehidupan sendiri dan kerjaya saya dan saya harap anda akan lakukan perkara sama kerana pengetahuan dan pengalaman yang anda bawa balik akan membantu mencorakkan Malaysia pada masa depan," katanya.

Tentang Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan pada April tahun depan, Najib berkata beliau sedar terdapat pihak tidak bersetuju dengan dasar itu dan itu merupakan perkara biasa.

"Sejak Program Transformasi Ekonomi bermula, ekonomi kita terus bertambah kukuh. Pendapatan isi rumah 24 peratus lebih tinggi daripada pada 2009.

"Defisit bajet kita menurun, kini kepada 3.9 peratus, lebih rendah daripada sasaran kita. Kita sedang menuju bajet berimbang menjelang 2020," katanya.

Berhubung peranan Malaysia sebagai pengerusi ASEAN tahun depan, Najib berkata Malaysia memerlukan rakyat yang berbakat dan dinamik untuk menghadapi pelbagai cabaran.

"Tatkala Malaysia bersiap sedia untuk memainkan peranan sebagai pemimpin dalam kalangan rakan dan jiran kita, saya menggesa anda untuk turut menerokai peluang-peluang untuk menerajui di Asia Tenggara supaya kita dapat tunjukkan bahawa Malaysia bukan sahaja bersedia untuk belajar daripada dunia, tetapi juga bersedia untuk memimpin dunia," katanya.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1062877>